



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Pengaktifan Pembekal Bagi Sistem ePerolehan Baharu

Bermula 1 Januari 2018, sistem perolehan elektronik Kerajaan Malaysia, iaitu ePerolehan (eP) akan dinaiktaraf kepada **Sistem ePerolehan Baharu**. Mulai tarikh tersebut, semua urusan perolehan Kerajaan untuk bekalan dan perkhidmatan (bukan perunding) akan menggunakan sistem baharu tersebut.

Bagi memenuhi keperluan pelaksanaan sistem tersebut, syarikat pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) di seluruh negara perlu bersedia sebelum Sistem ePerolehan Baharu beroperasi dengan menyertai aktiviti utama persediaan pembekal iaitu program pengaktifan pembekal agar pembekal dapat bertransaksi selepas tarikh pelancaran sistem tersebut. Sehingga kini, terdapat lebih 150 000 pembekal seluruh negara yang berdaftar dengan MoF.

Kementerian Kewangan Malaysia dengan kerjasama syarikat Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDC) selaku penyedia perkhidmatan Sistem eP telah melaksanakan aktiviti pengaktifan pembekal sejak 1 Mac 2016. Aktiviti tersebut diteruskan menerusi kempen **JomJoin #ePBaharu** yang diperkenalkan kepada komuniti eP sejak Jun lalu.

Jomjoin #ePBaharu menyasarkan kepada pembekal sama ada yang telah berdaftar dengan MoF atau mereka yang belum berdaftar supaya bersedia untuk menghadapi peralihan daripada sistem sedia ada ke sistem baharu.

Kempen ini telah memperinci dan menjelaskan dengan lebih sistematik tindakan yang perlu diambil oleh pembekal agar dapat memenuhi keperluan persediaan menghadapi fasa beroperasinya Sistem eP Baharu khususnya sebelum 1 Januari 2018 termasuk mengemas kini maklumat pembekal, mengikuti latihan yang disediakan dan seterusnya penerimaan ID dan kata laluan bagi akses ke Sistem eP Baharu. Aktiviti ini dibuat sepenuhnya secara atas talian dan pembekal boleh melayari portal rasmi sistem ePerolehan, www.eperolehan.gov.my untuk mengambil tindakan yang diperlukan.

Untuk keterangan lanjut, pembekal boleh berkunjung ke mana-mana ePerolehan Centre (ePC) di seluruh negara atau mengikuti sesi taklimat Pengaktifan Pembekal Sistem ePerolehan Baharu yang dianjurkan secara percuma melalui jadual taklimat yang boleh disemak di portal rasmi ePerolehan.

Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya

24 Ogos 2017

(Kenyataan Media ini telah diluluskan oleh ePP2 dan ePP3 pada 23 Ogos 2017)